



SIARAN MEDIA

PROGRAM ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL BANTU MASYARAKAT UMUM KETAHUI HAK MEREKA

SIBU, 12 JANUARI - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) terus komited dalam usaha menyebarkan advokasi antigangguan seksual kepada masyarakat umum agar lebih ramai tahu dan sedar akan hak mereka.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan Program KASIH Komuniti Dan Advokasi Antigangguan Seksual di Dewan Komuniti Sibu Jaya. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk meningkatkan aspek kesedaran terhadap antigangguan seksual dan memberi pendedahan khusus menangani kes serta membantu mangsa gangguan seksual, termasuk dalam aspek pengurusan aduan.

Sehingga Disember tahun 2024, KPWKM menerima sebanyak 28 aduan gangguan seksual yang telah difailkan di Tribunal Bagi Antigangguan Seksual (TAGS). Daripada 28 aduan difailkan, sebanyak sepuluh (10) aduan telah selesai didengar dan diberikan keputusannya. Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula telah menerima sebanyak 506 kes gangguan seksual pada tahun 2021 dan sedikit penurunan pada tahun 2022, iaitu kepada 488 kes. Walau bagaimanapun bilangan kes meningkat semula kepada 529 kes pada tahun 2023 dan 666 kes pada tahun 2024 (sehingga Oktober). Jumlah kes yang dilaporkan ini melibatkan kedua-dua jantina, lelaki dan wanita.

Dalam majlis yang sama, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) turut menyediakan kaunter perkhidmatan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) yang merupakan pusat rujukan khusus kepada kumpulan sasar KPWKM seperti wanita, kanak-

kanak, keluarga, warga emas dan OKU. Menerusi kaunter ini, komuniti setempat berpeluang untuk mendapatkan perkhidmatan psikososial yang holistik di satu tempat sejajar dengan pendekatan *whole of society* dan *whole of government*.

Inisiatif ini juga membolehkan komuniti mengemukakan aduan sekaligus memudahkan akses secara terus kepada pelbagai jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh KPWK dan rakan strategik YKN melalui aplikasi MyPSSS. Selain itu perkhidmatan kaunseling secara bersemuka turut ditawarkan kepada pihak yang berkaitan. Turut diadakan ialah sesi taklimat dan forum serta penyerahan notis antigangguan seksual kepada wakil sektor Kerajaan, swasta dan NGO semasa program berlangsung.

Program turun padang seumpama ini diharapkan akan mendekatkan warga Kementerian dengan komuniti tempatan selain turut membuka lebih banyak peluang kolaborasi dengan rakan strategik dalam usaha pencegahan dan meningkatkan kesedaran gangguan seksual dalam komuniti secara keseluruhannya.

Turut hadir YBrs. Puan Hanani Sapit, Ketua Pengarah JPW, Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN, YBrs. Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN, YBrs Dr. Faridah binti Awang, Pengarah Institut Sosial Malaysia (ISM) dan pegawai-pegawai kanan Kementerian, jabatan dan agensi KPWK.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
12 JANUARI 2025